



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



# **BERITA**

24 JAM

# **KPDN**

## **KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 22 Februari 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Syarikat, pengarah didenda RM25,000 jual gula mahal

**MELAKA:** Sebuah syarikat dan seorang pengarah didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini selepas mengaku bersalah menjual 70 pekete gula pasir kasar melebihi harga kawalan ditetapkan.

Tertuduh, Keluargaku (M) Sdn. Bhd. dan Lee Mey Eng, 41, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman sejurus dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Berdasarkan kertas pertuduhan, syarikat berkenaan dan tertuduh didapati menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal 70 pekete gula pasir

kasar satu kilogram dengan harga RM3.20 sepeket, iaitu selain mengikut harga yang ditentukan pengawal.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 11.40 pagi di premis Keluargaku (M) Sdn. Bhd., No. 35, KPAA 1, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Bukit Baru dalam daerah Melaka Tengah pada 8 Mac 2023.

Sabit kesalahan, syarikat itu boleh didenda tidak melebihi RM100,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM250,000 mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang boleh dihukum di

bawah Seksyen 57 (a) akta sama.

Sementara itu, pengarah syarikat berdepan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57 (b) akta sama.

Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM20,000 kepada syarikat manakala pengarahnya didenda RM5,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar.



**TERTUDUH** dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, Ayer Keroh, Melaka kerana menjual gula pasir lebih tinggi daripada harga kawalan.  
- UTUSAN/MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

## Lelaki Thailand dituduh seludup RON95

**TAIPING:** Seorang lelaki warga Thailand mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menyeludup bahan api bersubsidi dari negara ini ke Thailand, Sabtu lalu.

Tertuduh, Napphon Abdulloh, 51, membuat pengakuan tersebut selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Idid.

Dia didakwa meletakkan bahan api petrol ke dalam tangki kereta jenis Toyota Camry di Pos Jabatan Imigresen, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Berapit, Pengkalan Hulu pukul 11.30 pagi, 17 Februari lalu.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara dua tahun atau keduanya.

Tiada jaminan dibenarkan dan kes akan disebut semula pada 25 Mac depan untuk serahan dokumen dan jatuh hukum.

Syarikat, pengarah mengaku salah catut harga 70 pekset bahan pemanis

## Didenda RM25,000 jual gula mahal

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI

**MELAKA** – Sebuah syarikat dan seorang pengarah didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini semalam selepas mengaku bersalah menjual 70 pekset gula pasir kasar melebihi harga kawalan yang ditetapkan.

Tertuduh, syarikat Keluargaku (M) Sdn. Bhd. dan Lee Mey Eng, 41, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Azaraorni Abd. Rahman sejurus dua pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah.

Berdasarkan dua kertas pertuduhan, syarikat berkenaan dan tertuduh didapati menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal 70 pekset gula pasir kasar satu kilogram pada harga RM3.20 sepeket iaitu selain

mengikut harga yang ditentukan pengawal.

Kesalahan itu dilakukan kira-kira pukul 11.40 pagi di premis Keluargaku (M) Sdn. Bhd., No. 35, KPAA 1, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Bukit Baru di Melaka Tengah pada 8 Mac 2023.

Sabit kesalahan, syarikat tersebut boleh didenda maksimum RM100,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM250,000 mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57(a) Akta sama.

Sementara itu, pengarah syarikat berdepan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Bagi kesalahan kedua denda maksimum RM100,000 atau pen-

jara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57(b) Akta sama.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Raya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Norhysham Md. Noor memohon mahkamah agar mengenakan denda maksimum iaitu RM100,000 kepada syarikat dan RM50,000 terhadap pengarahnya.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu agar dikenakan denda yang rendah.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman denda RM20,000 kepada syarikat, manakala pengarahnya didenda RM5,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar.



**TERTUDUH** ketika dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka semalam.



**NAPPHON** ketika dibawa ke Mahkamah Sesyen Taiping untuk pertuduhan semalam.

## Lelaki Thai mengaku salah seludup RON95

**TAIPING** – Seorang lelaki warga Thailand mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas pertuduhan menyeludup petrol RON95 bernilai RM5,123 dari negara ini ke Thailand.

Tertuduh, Napphon Abdulloh, 51, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Melayu di hadapan Hakim Shari-fah Norazlita Syed Salim Idid.

Tertuduh didakwa telah meletakkan 60 liter petrol iaitu melebihi kuantiti ke dalam tangki kereta jenis Toyota Camry bagi maksud membawa barangan itu keluar dari Malaysia melalui darat.

Kesalahan dilakukan di Pos Jabatan Imigresen, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Berapit, Pengkalan Hulu pada

pukul 11.30 pagi, 17 Februari 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 dan boleh dihukum di bawah Perenggan 5(a) peraturan sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh didenda maksimum RM100,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda maksimum RM250,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya KPDN, Hasyutantee Khalil, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Napphon tidak dibenar diikat jamin dan kes disebut semula pada 25 Mac depan untuk serahan dokumen dan jatuh hukuman.

## MINUMAN PANAS RM15.90 SECAWAN

**KPDN jalankan siasatan**

**Johor Bahru:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor menyiasat aduan minuman panas berharga RM15.90 di sebuah restoran di Kota Tinggi di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Johor, Lilis Saslinda Pornomo berkata, pemeriksaan dilakukan pada 18 Februari susulan aduan tular di media sosial berkaitan milo panas mahal di restoran di sebuah resort di Desaru.

Menurutnya, susulan itu sepasukan penguat kuasa KPDN Kota Tinggi, Johor ke premis berkenaan.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis itu adalah sebuah restoran di dalam kawasan hotel yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman termasuk air minuman milo panas.

"Hasil pemeriksaan juga mendapati setiap pengunjung atau pelanggan diberikan menu makanan dan minuman berserta harga," katanya.

Lilis Saslinda berkata, harga di dalam menu mendapati adalah jelas dan tidak mengelirukan.

Beliau berkata, bagaimanapun Notis Bertulis (NB) di bawah Seksyen 21, Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011 diserahkan kepada restoran dan diarah untuk beri maklum balas kepada KPDN dalam tempoh yang ditetapkan bagi membolehkan siasatan lanjut dilaksanakan selepas ini.

"Premis berkenaan diberikan tempoh untuk kemukakan penjelasan iaitu kita memberi ruang untuk mereka untuk menjelaskan berkaitan harga.

"Isu harga munasabah atau tidak belum timbul di sini selagi pengusaha premis tidak menyerahkan nota bertulis.

"Selepas nota bertulis itu dikemukakan, KPDN akan menjalankan siasatan," katanya ketika dihubungi.

Ahad lalu, seorang pelanggan terkejut selepas sebuah restoran di pusat peranginan di Johor didakwa mengenakan harga 'cekik darah' untuk secawan milo panas yang dipesannya.

Menerusi resit bayaran yang dikongsi Emoncs Tay, secawan milo panas dikenakan caj RM15.90 dan ia perlu membayar RM47.40 bagi tiga cawan minuman itu.

Selain itu, sekeping roti canai telur yang dipesannya pula dikenakan caj RM12.90, manakala sekeping tose pula berharga RM10.90.

# Padah jual gula pasir mahal

Syarikat dan pengarahnya  
didenda RM25,000

**NOR FARHANA YAACOB**

**MELAKA USAJ 39**

**G**ara-gara menjual 70 pekuk gula pasir melebihi harga kawalan, akhirnya sebuah syarikat dan pengarah syarikat itu didenda RM25,000 oleh Mahkamah Sesyen, di sini pada Rabu.

Syarikat Keluargaku (M) Sdn Bhd dan pengarahnya, Lee Mey Eng, 41, membuat pengakuan bersalah selepas dua pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Azaraorni Abd Rahman.

Mengikut pertuduhan, syarikat berkenaan bersama tertuduh didapati menawarkan untuk menjual barangan harga terkawal 70 pekuk gula pasir kasar satu kilogram dengan harga RM3.20 sepekuk iaitu selain mengikut harga yang ditentukan pengawal.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira jam 11.40 pagi di premis Keluargaku (M) Sdn Bhd, No 35, KPAA 1, Kompleks Perniagaan Al-Azim, Bukit Baru, di sini pada 8 Mac tahun lalu.

Pendakwaan dijalankan mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57(a) akta sama dan sabit kesalahan syarikat tersebut boleh denda tidak melebihi RM100,000 dan bagi kesalahan kedua dan seterusnya denda tidak melebihi RM250,000, jika sabit kesalahan.

Pengarah syarikat wanita itu pula didakwa mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 57(b) akta sama, yang memperuntukkan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya sekali dan bagi kesalahan kedua denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pegawai Pendakwa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara



Mey Eng didenda RM5,000 manakala syarikatnya didenda RM20,000 oleh Mahkamah Sesyen Melaka.

Hidup (KPDN), Norhysham Md Noor menawarkan jaminan RM100,000 terhadap syarikat dan RM50,000 terhadap pengarahnya manakala kedua-dua tertuduh yang tidak diwakili peguam merayu jaminan dikurangkan.

Mahkamah kemudian menjatuhkan denda RM20,000 kepada syarikat manakala pengarahnya didenda RM5,000 atau tiga bulan penjara jika gagal bayar.



## Warga Thailand mengaku salah seludup keluar minyak petrol

**TAIPING** - Seorang lelaki warga Thailand dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Taiping pada Rabu atas pertuduhan menyeludup keluar minyak petrol bersubsidi dari negara ini ke Thailand, Sabtu lalu.

Tertuduh, Napphon Abdulloh, 51, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Melayu oleh jurubahasa di hadapan Hakim Sharifah Norazlita Syed Salim Idid.

Mengikut pertuduhan, lelaki yang berasal dari Betong itu didakwa telah meletakkan bahan api petrol ke dalam tangki kereta jenis Toyota Camry bagi maksud membawa barangan terbabit keluar dari Malaysia melalui darat melebihi kuantiti iaitu sebanyak 60 liter.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di Pos Jabatan Imigresen, Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS), Bukit Berapit, Pengkalan Hulu sekitar jam 11.30 pagi pada 17 Februari lalu.

Pertuduhan dilakukan mengikut Subperaturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan (Larangan Eksport) 2011 dan boleh dihukum di bawah Perenggan 5(a) peraturan sama.

Sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan kedua atau berikutnya, denda tidak melebihi RM250,000 atau penjara selama tempoh tiga tahun atau kedua-duanya.

Tiada jaminan dibenarkan mahkamah dan kes disebut semula pada 25 Mac depan untuk serahan dokumen serta jatuh



**Napphon (kanan) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Taiping pada Rabu.**

hukum.

Pada Ahad, media melaporkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Perak berjaya mematahkan cubaan seorang warga Thailand menyeludup minyak petrol RON95 ke negara jiran.

Dianggarkan sebanyak 60 liter minyak petrol disita bersama kenderaan dengan anggaran jumlah RM5,123.

Boleh berinteraksi secara terus pada Town Hall Rakyat hari ini

Oleh FARHANA ABD KADIR  
SHAH ALAM

# 'Rakyat boleh cadang transformasi kementerian'

**R**akyat boleh menyuarakan cadangan bagi penambahbaikan atau transformasi di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ketika program Town Hall Rakyat yang berlangsung di Kompleks Kumpulan Karangkraf di sini hari ini.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, menerusi program yang disiarkan secara langsung di semua platform digital *Sinar Harian* itu, rakyat boleh berinteraksi dan mendapatkan maklumat secara terus mengenai KPWKM.

"Rakyat perlu guna peluang ini sepenuhnya untuk menyuarakan komen dan mengemukakan cadangan kepada kami.

"Kita memerlukan pandangan daripada rakyat supaya dapat bersama-sama melakukan perubahan atau transformasi di kementerian," katanya pada Rabu.

Sebelum ini, sesi Town Hall Rakyat terbitan *Sinar Harian* menampilkan Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri

Saifuddin Nasution Ismail.

Program itu turut mengundang bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub; Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad, Menteri Pendidikan, Fadhila Sidek dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Nancy yang merupakan Ahli Parlimen Santubong adalah Menteri Kabinet wanita kedua yang menjadi tetamu undangan bagi program tersebut.

Nancy berkata, orang ramai boleh mendapatkan maklumat terkini menerusi pameran oleh agensi-agensi di bawah KPWKM.

Ujarnya, sebarang persoalan boleh diajukan kepada pegawai bertugas, terutamanya berkaitan isu kebajikan.

Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), Talian Kasih KPWKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

## PAMERAN AGENSI KPWKM

### JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)

- Semakan dan konsultasi permohonan bantuan pendaftaran kad orang kurang upaya (OKU), pendaftaran sukarelawan JKM dan lain-lain.
- Info skim bantuan dan kaedah permohonan daripada JKM.
- Info kategori OKU dan kaedah permohonan.
- Maklumat berkaitan kanak-kanak, warga emas, permohonan kemasukan ke institusi JKM dan lain-lain.

### JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)

- Pameran AGS - Anti Gangguan Seksual.
- Membuka penyertaan sukarelawan Skwad Waja dalam menangani masalah komuniti berkaitan keganasan dan gangguan seksual terhadap wanita.

### INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)

- Institut Latihan Awam (ILA) dalam bidang sosial yang menawarkan kursus dalam bidang sosial, kajian, penerbitan buku ilmiah dan separa ilmiah serta kolaborasi strategik berkaitan pembangunan sosial negara. Mengadakan pameran mengenai kursus dan latihan, buku-buku terbitan dan kajian-kajian ISM serta program kolaborasi.

TARIKH: 22 FEBRUARI 2024, KHAMIS  
LOKASI: LOBI KOMPLEKS KUMPULAN KARANGKRAF, SHAH ALAM  
WAKTU: 12 TENGAH HARI - 8 MALAM

### TALIAN KASIH KPWKM

- Pameran tentang maklumat dan perkhidmatan yang disediakan oleh Talian Kasih KPWKM - 15999.

### LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

- Pendaftaran program subsidi mamogram untuk kaum wanita.

### YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN)

- Perkhidmatan Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS).
- Aktiviti yang disediakan:
  - Saringan Ujian Psikologi dan Kesihatan Mental.
  - Sesi Bimbingan dan Kaunseling.
  - Art Therapy.
  - Rujukan Bantuan Kebajikan.

### TRUCK KAFETEEN

- Aktiviti dan permainan menarik untuk golongan remaja.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR** **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Penyelidikan IPT perlu selari keperluan industri

Oleh **MOHAMAD NAUFAL  
MOHAMAD IDRIS**  
utusannews@mediamulia.com.my

**SHAH ALAM:** Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu mengenal pasti keperluan industri dan membuat penyelidikan yang boleh menyelesaikan sesuatu isu yang dikehendak industri.

Dengan itu hasil penyelidikan tersebut boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan produktiviti atau perkhidmatan dalam industri dan akhirnya memberi nilai tambah kepada kesejahteraan rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapa Samud berkata, penyelidikan yang menepati keperluan industri adalah penting supaya usaha tersebut tidak berakhir di rak atau perpustakaan semata-mata.

"Bagi saya ini adalah *wake up call* kepada kita semua terutama kepada institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) agar melihat kembali keberkesanan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dibuat selama ini.

"Saya secara peribadi fikir kita kena buat intervensi untuk me-

mastikan R&D dapat menyelesaikan permasalahan yang berlaku terhadap rakyat di negara ini. Pensyarah perlu mencari penyelidikan yang dapat membantu menyelesaikan masalah," kata beliau selepas Majlis Anugerah Sukan UiTM 2023 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) malam kelmarin.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan pemain industri didakwa lebih berminat memilih hasil penyelidikan negara luar sehingga mengakibatkan banyak kajian IPT tempatan dipandang sepi walaupun berkualiti tinggi.

Malah berdasarkan laporan Harta Perbadanan Intelekt (MyIPO) hanya 1,806 produk penyelidikan IPTA didaftarkan atau dipatenkan sejak 2018 sehingga Ogos 2023.

Dalam pada itu, Mustapa bercadang memanggil wakil universiti dan industri untuk bersemuka bagi membincangkan jenis penyelidikan yang diperlukan supaya lebih banyak usaha dapat dilakukan dalam memenuhi keperluan mereka.

"Terdapat beberapa kes yang mana hasil penyelidikan dibuat universiti tempatan diterima oleh pihak luar negara. Apabila

penyelidikan itu diterima, baru pihak industri buka mata dan mahu menggunakan hasil penyelidikan itu.

"Apapun, saya harap selepas ini pihak industri boleh mencari hasil penyelidikan universiti tempatan terlebih dahulu sebelum mencari hasil penyelidikan luar negara," ujarnya.

Sementara itu, Presiden Majlis Profesor Negara (MPN), Profesor Emeritus Datuk Dr. Raduan Che Rose menyarankan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) memperkenalkan polisi baharu berkaitan permasalahan tersebut.

Menurutnya, universiti perlu bekerjasama dengan industri untuk menghasilkan penyelidikan yang diperlukan sebagai syarat untuk memperoleh dana penyelidikan daripada kerajaan.

"Justeru, universiti hanya akan melakukan penyelidikan yang diperlukan pihak industri.

"Saya rasa pihak industri pun akan bersetuju dengan dasar sedemikian. Dalam masa sama, saya harap kerajaan boleh memperkenalkan insentif pelepasan cukai kepada pihak industri yang menyertai aktiviti penyelidikan bersama universiti," jelasnya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# Misteri Beras Putih Malaysia Madani



**BICARA  
AWAM**

WONG CHIN HUAT

**R**abu lalu, rakyat Malaysia diberitahu bahawa bermula 1 Mac ini, semua beras dijual di Malaysia adalah Beras Putih Malaysia Madani berharga RM30 (10 kilogram) dan tidak lagi dibahagi kepada beras putih tempatan (SST) yang kini berharga RM26 dan beras putih import yang bebas harganya.

Pengumuman tersebut dibuat, bukan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan tetapi oleh seorang ahli Parlimen penyokong kerajaan, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal yang mempengerusikan Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Selepas dikritik oleh ahli-ahli perniagaan dan ahli Parlimen kerajaan lain,

dinafikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, seterusnya oleh menteri-menteri berkaitan, pengumuman tersebut kini seolah-olah 'berita palsu oleh sumber rasmi' kerana menurut Menteri Komunikasi, ia cuma cadangan peribadi Syed Abu Hussin Hafiz.

Pada Jumaat lalu, tarikh yang dilaporkan untuk keputusan muktamad oleh NACCOL atas perkara berkenaan, tiada keputusan dibuat atau diumumkan oleh badan yang dipimpin oleh Perdana Menteri sendiri.

Drama Beras Madani menimbulkan dua misteri. Satu, mengenai cadangan kategori tunggal bagi beras. Satu lagi tentang proses dan mutu pembuatan keputusan dalam Kerajaan Madani.

Misteri pertama – bagaimana masalah penyorokan beras tempatan sehingga golongan B40 terpaksa membeli beras import yang lebih mahal dapat diatasi dengan menghapuskan perbezaan dua kategori beras ini?

Apabila beras tempatan (10kg) berharga RM26 (10kg) sedangkan beras import naik kepada RM36 hingga RM38 pada September 2023 kerana sekatan eksport India dan sebagainya serta pe-

nawaran beras tempatan kurang, maka peniaga yang tidak beretika mempunyai insentif untuk mencampurkan beras tempatan dalam beras import dan dijual dengan beras import.

Selagi perbezaan harga tidak dikurangkan atau bekalan beras tempatan tidak ditingkatkan (misalnya dengan subsidi), insentif kekal bagi golongan kartel untuk meneruskan gejala pencampuran (dan pemalsuan) beras import tetap wujud sehingga B40 tidak dapat membeli beras tempatan.

Adakah idea pintar Syed Abu Hussin Hafiz sebenarnya menghalalkan aktiviti tersebut dengan menghapuskan perbezaan ini? Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan teori itu dan menekankan, sebaliknya ia adalah usaha 'mengekan campur tangan kartel'.

Persoalannya, bagaimana? Bagaimana dengan mencampurkan semua beras, maka 'campur tangan kartel' dapat dikekang? Apa mekanismenya? Apakah logikinya? Ini misteri besar, dan pembuatan dasar awam seharusnya berasaskan perancangan saintifik, bukan misteri, bukan keajaiban.

Ia membawa kepada misteri kedua. Bagaimana Syed Abu Hussin Hafiz me-

nemui idea pintar itu? Apakah kajian yang telah dibuat? Bolehkah kluster makanan NACCOL pimpinannya mengemukakan minit perbincangan kalau-lah tidak tersedia kertas kerja?

Rakyat Malaysia dianggarkan membeli beras sebanyak 2.91 juta tan metrik. Satu tan metrik ialah 1,000kg atau 100 pek 10kg dan 2.91 juta tan metrik ialah 291 juta pek. Kalau darab dengan kenaikan RM4 untuk beras tempatan, cadangan Syed Abu Hussin Hafiz sudah mengesani sekurang-kurangnya RM1,164 juta.

Besar impak 'cadangan peribadi' yang hampir menjadi dasar awam tetapi apa asas idea itu misteri besar. Pembuatan dasar awam tak perlukan kertas putih atau kertas hijau. Gerak hati sudah cukup.

Malah, apa kelebihan Syed Abu Hussin Hafiz – selain menyokong Perdana Menteri sungguhpun daripada Bersatu untuk dilantik dan terus kekal sebagai Pengerusi kluster NACCOL pun misteri yang besar.

\* Profesor Wong Chin Huat ialah Timbalan Ketua (Strategi), Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**

# BERITA ONLINE BERTARIKH 22 FEBRUARI 2024

| TARIKH | TAJUK                                                           | PAUTAN                                                                                                                                                                                                                                    | MEDIA            |
|--------|-----------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|
| 22-Feb | Tular harga makanan mahal, KPDN jalankan siasatan               | <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062849/tular-harga-makanan-mahal-kpdn-jalankan-siasatan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1062849/tular-harga-makanan-mahal-kpdn-jalankan-siasatan</a>                     | HARIAN METRO     |
| 22-Feb | KPDN siasat aduan harga secawan minuman panas RM15.90 di Desaru | <a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/02/1215137/kpdn-siasat-aduan-harga-secawan-minuman-panas-">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/02/1215137/kpdn-siasat-aduan-harga-secawan-minuman-panas-</a> | BERITA HARIAN    |
| 22-Feb | Pemandu lori kantoi seleweng diesel                             | <a href="https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/650661">https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/650661</a>                                                                                                                           | SINAR HARIAN     |
| 22-Feb | Kedai perabot dakwa anak pelanggan cabut tanda harga            | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/21/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga">https://malaysiagazette.com/2024/02/21/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga</a>                                     | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Feb | 15,000 liter diesel bernilai RM113,750 dirampas                 | <a href="https://malaysiagazette.com/2024/02/21/15000-liter-diesel-bernilai-">https://malaysiagazette.com/2024/02/21/15000-liter-diesel-bernilai-</a>                                                                                     | MALAYSIA GAZETTE |
| 22-Feb | Op Tiris: KPDN siasat pemandu lori, pemilik stesen minyak       | <a href="https://www.buletintv3.my/nasional/op-tiris-kpdn-siasat-pemandu-lori-pemilik-stesen-minyak/">https://www.buletintv3.my/nasional/op-tiris-kpdn-siasat-pemandu-lori-pemilik-stesen-minyak/</a>                                     | BULETIN TV3      |
| 22-Feb | KPDN gempur kedai perabot tidak pamer harga di MITC             | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/02/kpdn-gempur-kedai-perabot">https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2024/02/kpdn-gempur-kedai-perabot</a>                                                                   | UTUSAN MALAYASIA |
| 22-Feb | Beri alasan budak tanggalkan tanda harga                        | <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/650675/berita/semasa/beri-alasan-budak-">https://www.sinarharian.com.my/article/650675/berita/semasa/beri-alasan-budak-</a>                                                               | SINAR HARIAN     |

|        |                                                             |                                                                                                                                                                                                 |                   |
|--------|-------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 22-Feb | Tiada tanda harga: Kedai perabot beri alasan tak masuk akal | <a href="https://www.melakahariini.my/tiada-tanda-harga-kedai-perabot-beri-alasan-tak-masuk-akal/">https://www.melakahariini.my/tiada-tanda-harga-kedai-perabot-beri-alasan-tak-masuk-akal/</a> | MELAKA HARI INI   |
| 22-Feb | Kedai perabot dakwa anak pelanggan cabut tanda harga        | <a href="https://www.malay.news/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga/">https://www.malay.news/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga/</a>                         | MALAY NEWS        |
| 22-Feb | Kedai perabot dakwa anak pelanggan cabut tanda harga        | <a href="https://themalaytribune.com/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga/">https://themalaytribune.com/kedai-perabot-dakwa-anak-pelanggan-cabut-tanda-harga/</a>               | THE MALAY TRIBUNE |
| 22-Feb | Syarikat, pengarah didenda RM25,000 jual gula mahal         | <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/02/21/syarikat-pengarah-didenda-rm25000-jual-gula-mahal/">https://www.kosmo.com.my/2024/02/21/syarikat-pengarah-didenda-rm25000-jual-gula-mahal/</a>     | KOSMO             |